

Tokoh Palestin, PBB dijemput bincang isu keselamatan

KUALA LUMPUR 20 Jan — Persidangan antarabangsa bagi membincangkan isu keselamatan global anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) pada 16 Februari depan akan menampilkan tokoh ternama dari Palestin dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Penyelaras Persidangan, Dr. Shamsul Anwar Sulaiman berkata, pihaknya kini sedang mengadakan perbincangan untuk membawa ahli Majlis Perundangan Palestin, Hanan Ashrawi dan bekas Penyelaras Bantuan Kemanusiaan PBB, Denis Halliday ke persidangan tersebut.

Hanan jelas beliau akan membentangkan kertas kerja yang berkaitan dengan penderitaan rakyat Palestin akibat kekejaman rejim Israel manakala Halliday pula mengenai kesan sekatan PBB ke atas Iraq.

21 JAN 2003 UN
Kedua-dua tokoh tersebut akan memberikan gambaran sebenar berdasarkan pengalaman masing-masing,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Persidangan bertemakan *Bebaskan Palestin dan Jangan Serang Iraq* itu akan dipengerusikan oleh bekas Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail di Hotel Mandarin Oriental, di sini.

Aman Malaysia merupakan inisiatif gabungan 237 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mewakili pelbagai bidang seperti politik, badan keagamaan, kesatuan sekerja, belia dan pelajar yang membentuk hampir 3 juta ahli.

Objektif penubuhannya bagi mewujudkan keamanan dunia yang komprehensif, berkeadilan dan adil.

Dr. Shamsul berkata, persidangan itu juga melihat

pembentangan kertas kerja oleh beberapa tokoh tempatan yang membincangkan mengenai senjata pemusnah besar-besaran dan kesan peperangan ke atas wanita serta kanak-kanak.

“Secara keseluruhan, sebanyak empat kertas kerja oleh tokoh luar dan tempatan akan dibentangkan,” katanya.

Jelasnya, pihak penganjur akan menjemput 1,000 peserta yang terdiri daripada NGO tempatan dan luar negara, diplomat asing, wakil-wakil PBB serta wartawan asing.

Ujar Dr. Shamsul, ahli panel persidangan itu akan merumuskan satu memorandum yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk dibawa ke Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung dari 20 hingga 25 Februari depan